



**PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 1/2020**

**DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./ Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PORTAL RASMI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UKM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 2/2020: COVID-19: Pelanjutan Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Sehingga 14 April 2020 di Universiti Kebangsaan Malaysia bertarikh 27 Mac 2020 adalah berkaitan.

3. Sukacita, bagi aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara dalam talian sepanjang tempoh pengkuliah, *Microsoft Teams* merupakan pelantar rasmi UKM untuk pengajaran dalam talian mod segerak (*synchronous*). Manakala, UKMFolio™ merupakan pelantar rasmi UKM untuk pengajaran dalam talian mod tidak segerak (*asynchronous*).

4. Sehubungan itu, semua pensyarah hendaklah menyiapkan bahan P&P secara dalam talian menggunakan UKMFolio™ bermula 27 April 2020 di pautan <https://ukmfolio.ukm.my>. Bagi aduan dalam talian boleh ketik butang Aduan di UKMFolio™ atau terus ke pautan berikut <https://bit.ly/2QX5oFt>. Manakala, bagi maklumat terkini mengenai P&P boleh diperolehi di Telegram Pengajaran-UKM di pautan <https://bit.ly/2J07Vuj>. Turut dilampirkan poster hebahan untuk perhatian YBhg. Prof./ Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. Ir. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN**  
Pengarah

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Pengarah Pusat Jaminan Kualiti
  - Pengarah Pusat Siswazah
  - Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan
  - Tim. Pengarah Pusat Pengurusan Akademik

**PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlit





# Aktifkan UKMFolio<sup>TM</sup> mulai 27 April 2020

UKMFolio<sup>TM</sup> adalah portal rasmi pengajaran & pembelajaran UKM. Gunakan sepenuhnya.



Imbas disini!

- ✓ Bahan, aktiviti dan sumber, pentaksiran :  
**<https://ukmfolio.ukm.my>**
- ✓ Sebarang Pertanyaan, sila hubungi Aduan dalam UKMFolio :  
**<https://bit.ly/2QX5oFt>**
- ✓ Maklumat terkini boleh diperolehi dari Telegram Pengajaran-UKM :  
**<https://bit.ly/2J07Vuj>**



Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Nantikan lebih banyak maklumat terkini!**

[www.aktivukm.my](http://www.aktivukm.my)